

**KATA-KATA ALUAN MESYUARAT  
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI  
DI MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT NEGARA (N.I.T.C.) DI CYBERVIEW  
LODGE RESORT, CYBERJAYA  
7 APRIL 2006**

-----

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

YB MENTERI-MENTERI

AHLI-AHLI MESYUARAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

1. TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN SAUDARA DAN SAUDARI KE MESYUARAT MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT NEGARA (N.I.T.C.) YANG PERTAMA BAGI TAHUN 2006.

2. SAYA JUGA INGIN MENGALU-ALUKAN SECARA KHUSUS AHLI-AHLI BARU, IAITU YB DATUK SERI MOHD EFFENDI NORWAWI, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN YB DATO' MUSTAPHA MOHAMED, KINI MENTERI PENGAJIAN TINGGI. YB DATO' MUSTAPHA DULUNYA AHLI N.I.T.C. SELAKU MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI E.P.U..

3. SELAIN ITU, BEBERAPA AHLI BARU LAIN YANG MENGGANTIKAN AHLI YANG TELAH BERSARA IALAH Y.BHG. DATO' HALIPAH BT. ESA, KETUA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI, MENGGANTIKAN Y.M. RAJA DATO' ZAHARATON RAJA ZAINAL ABIDIN; Y.BHG. DATO' HAJI YAACOB HUSSIN, KETUA PENGARAH MAMPU, MENGGANTIKAN Y.BHG. DATIN PADUKA NAZARIAH BT. MOHD KHALID; DAN ENCIK BADLISHAM GHAZALI, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION (M.D.C.), MENGGANTIKAN Y.BHG. DATUK DR. MOHAMED ARIF NUN. SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA AHLI TERDAHULU YANG TELAH MEMBERI SUMBANGAN BESAR KEPADA N.I.T.C. SEKIAN LAMA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

4. RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN TERUS MEMBERI PENEKANAN KEPADA I.C.T. BUKAN SAHAJA SEBAGAI "ENABLER" BAGI PEMBANGUNAN PELBAGAI INDUSTRI LAIN, MALAH SEBAGAI SEBUAH INDUSTRI UTAMA SECARA SENDIRINYA DAN JUGA SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

5. UNTUK MEMBANTU INDUSTRI I.C.T. BERKEMBANG SEJAJAR DENGAN HALA TUJU NEGARA, PERANCANGAN DASAR DAN STRATEGI ADALAH SANGAT PENTING. KERAJAAN PERLU MELAKARKAN HALA TUJU I.C.T. NEGARA, TERUTAMA DALAM SEKTOR RANGKAIAN ("NETWORK") DAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI YANG MERUPAKAN TEKNOLOGI TERKINI DAN MEMPUNYAI KESAN BESAR KEPADA KEHIDUPAN SEHARIAN RAKYAT. OLEH ITU, DALAM MESYUARAT PADA KALI INI, KERTAS-KERTAS PERBINCANGAN YANG DIBENTANGKAN AKAN MEMBINCANGKAN MENGENAI BEBERAPA ASPEK PERKEMBANGAN BARU DALAM BIDANG RANGKAIAN DAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI.

6. SESUNGGUHNYA, PENGGUNAAN I.C.T. DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN MASYARAKAT MALAYSIA SEMAKIN MENINGKAT. SEPULUH TAHUN YANG LALU, BILANGAN PENGGUNA KOMPUTER PERBADI KURANG DARIPADA 900,000 ORANG BERBANDING LEBIH 4.2 JUTA SEKARANG. KADAR PENEMBUSAN INTERNET PADA TAHUN 1998 ADALAH HANYA 1.8 PERATUS DARIPADA BILANGAN PENDUDUK NEGARA BERBANDING HAMPIR 40 PERATUS HARI INI. DI SAMPING ITU, BILANGAN PELANGGAN INTERNET JALUR LEBAR JUGA TELAH MENINGKAT DENGAN MENDADAK DAN DIJANGKA MENCAPI 1.3 JUTA PENDUDUK PADA AKHIR TAHUN INI. PENGANTUNGAN YANG KIAN BERTAMBAH KEPADA I.C.T. DAN INTERNET TELAH MEMBAWA KEPADA DUNIA YANG LEBIH TERHUBUNG DAN TANPA SEMPADAN. BANYAK MANFAAT DAN PELUANG BARU YANG BOLEH KITA KECAPAI BERSAMA. NAMUN, ADA JUGA PELBAGAI CABARAN DAN MASALAH YANG TIMBUL, YANG PERLU DITANGANI DENGAN SEBAIK MUNGKIN.

7. SALAH SATU DARIPADA CABARAN BARU INI ADALAH SERANGAN SIBER MELALUI RANGKAIAN KOMUNIKASI. SEBAGAI CONTOH, SISTEM PENGURUSAN INFRASTRUKTUR - UMPAMANYA PENGURUSAN BEKALAN TENAGA, AIR, PENGANGKUTAN, OPERASI KEWANGAN DAN PERBANKAN, PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI DAN KESIHATAN - MUDAH TERKENA SERANGAN SIBER, TERUTAMANYA APABILA SISTEM TERSEBUT MELALUI PROSES MIGRASI DARIPADA SISTEM MANUAL KEPADA SISTEM ELEKTRONIK. AKIBAT DARIPADA SERANGAN SIBER MUNGKIN SAMA ATAU LEBIH DAHSYAT DARIPADA SERANGAN FIZIKAL. SEKIRANYA IA TIDAK DIKAWAL SECARA RAPI, IA BUKAN HANYA MAMPU MENGGANGU AKTIVITI HARIAN MASYARAKAT, MALAH DAPAT MENGGUGAT KESELAMATAN RAKYAT ITU SENDIRI.

8. RINGKASNYA, PENERAPAN I.C.T. DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN MEMERLUKAN KITA SEDAR TENTANG ANCAMAN KEPADA KESELAMATAN DATA DAN MAKLUMAT KITA. OLEH ITU SATU KERANGKA KERJA, PERUNDANGAN DAN PERATURAN MENGENAI PENGGUNAAN, PEMBANGUNAN DAN PEMASARAN INDUSTRI I.C.T. PERLU DIWUJUDKAN BAGI MENGHADAPI ANCAMAN SERANGAN SIBER. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA KERTAS PERBINCANGAN PERTAMA YANG AKAN DIBENTANGKAN ADALAH MENGENAI DASAR SEKURITI SIBER NASIONAL.

9. SELAIN ITU, PERKHIDMATAN 3G BARU DIPERKENALKAN DI MALAYSIA DAN DIJANGKA AKAN MENJADI SALAH SATU BIDANG PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BARU. KEMUDAHAN PERKHIDMATAN 3G DAN KEUPAYAAN JALUR LEBAR, MEMBOLEHKAN VIDEO DIHANTAR MELALUI TELEFON BIMBIT. INI MEMBUKA RUANG

KEPADA PENYAMPAIAN KANDUNGAN SEPERTI BERITA, PENYIARAN SECARA LANGSUNG (MOBILE CASTING), MUAT TURUN VIDEO, "LIVE STREAMING" DAN SEBAGAINYA. PERMINTAAN TERHADAP PERKHIDMATAN 3G INI BANYAK BERGANTUNG KEPADA BEKALAN APLIKASI DAN KANDUNGAN YANG SEDIA ADA. PENGUSAHA INDUSTRI KANDUNGAN TEMPATAN PERLU MEMBANGUNKAN KANDUNGAN YANG SESUAI DENGAN KEHENDAK MASYARAKAT TEMPATAN UNTUK MEREbut PELUANG INI. UNTUK MENGGALAKKAN PERTUMBUHANNYA, MEKANISME PEMBIAYAAN SEDIA ADA PERLU DIPERKUKUHKAN. KITA PERLU MENKKAJI DAN MENILAI DI PERINGKAT MANA DI DALAM RANTAIAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN YANG MEMERLUKAN PEMBIAYAAN DAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN SEPERTI MAKMAL DAN SEBAGAINYA.

10. SEPERTI JUGA INTERNET DAN TEKNOLOGI LAIN, TEKNOLOGI 3G ADALAH NEUTRAL DAN BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MEMBERI MANFAAT ATAU SEBALIKNYA. OLEH ITU, UNTUK MELINDUNGI GOLONGAN REMAJA DAN KANAK-KANAK TERUTAMANYA, KITA HARUS MEMBUAT SESUATU UNTUK MENAPIS KANDUNGAN YANG TIDAK SESUAI DARIPADA DAPAT DICAPAI OLEH MEREKA. SELAIN DARIPADA IBU BAPA SEBAGAI PENJAGA KEPADA GOLONGAN TERSEBUT, ORGANISASI KORPORAT YANG MENDAPAT KEUNTUNGAN DARIPADA PERKHIDMATAN TERSEBUT PERLU SEDAR DAN MEMIKUL TANGGUNGJAWAB SOSIAL INI. JUSTERU ITU, KERTAS PERBINCANGAN YANG KEDUA PADA HARI INI ADALAH MENGENAI CARA UNTUK MENAPIS KANDUNGAN PERKHIDMATAN MOBILE.

11. DALAM PADA ITU, PERISTIWA TSUNAMI PADA TANGGAL 26 DISEMBER 2004 LALU TELAH MENAKIBATKAN RAMAI NYAWA YANG TERKORBAN DAN BANYAK HARTA BENDA YANG MUSNAH, TERUTAMANYA DI UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA. UNTUK MEMASTIKAN KITA BERSEDIA MENGHADAPI ANCAMAN TERSEBUT DI MASA HADAPAN, KITA PERLU MENGAMBIL LANGKAH AWAL UNTUK MENYEDIAKAN PELAN TINDAKAN YANG CEPAT DAN EFEKTIF. LANGKAH PERTAMA YANG PERLU DIAMBIL IALAH UNTUK MENYEDIAKAN SISTEM AMARAN AWAL BAGI PENDUDUK DI KAWASAN YANG BERISIKO TINGGI DITIMPA BENCANA TSUNAMI. SAYA DIFAHAMKAN TINDAKAN AWAL TELAH PUN DIAMBIL DENGAN MEMASANG PELAMPUNG DAN ALAT PENGESAN TSUNAMI DI LAUT ANDAMAN BERHAMPIRAN PULAU RONDO DAN LAUT CHINA SELATAN BERHAMPIRAN PULAU LAYANG-LAYANG. LANGKAH SELANJUTNYA IALAH UNTUK MEMBANGUNKAN SISTEM PENYAMPAIAN AMARAN AWAL ATAU "EARLY WARNING SYSTEM" YANG EFEKTIF DAN BERKESAN. MAKA KERTAS PERBINCANGAN YANG KETIGA PADA HARI INI ADALAH BERKENAAN DENGAN SISTEM AMARAN AWAL UNTUK BENCANA MELALUI MESEJ ELEKOMUNIKASI.

12. KETIGA-TIGA KERTAS PERBINCANGAN YANG AKAN DIBENTANGKAN TERSEBUT MEMERLUKAN PERTIMBANGAN YANG TELITI OLEH MESYUARAT INI. UNTUK ITU, SAYA INGIN MENJEMPUT ENCIK ALIHAN HAJI ABDUL HAMID, SETIAUSAHA N.I.T.C., UNTUK MENERUSKAN MESYUARAT.